

Struktur

Ada dua konstruk yang penting untuk memahami teori personaliti Rogers: *Organisme* dan *Kendiri*.

Organisme

Organisme merupakan pusat segala pengalaman. Pengalaman melibatkan segala yang dialami oleh organisme dalam kesedaran bagi sesuatu masa. Pengalaman menyeluruh ini merupakan latar fenomenan, satu rangka rujuk yang hanya diketahui oleh individu itu sahaja. Bagaimana seseorang bertingkah laku, bergantung kepada latar fenomenanya (realiti subjektif) dan bukan kerana keadaan rangsangan (realiti luaran).

Latar fenomena tidak sama dengan latar kesedaran. Kesedaran melibatkan penjelmaan (gambaran) sesetengah pengalaman. Latar fenomena melibatkan kesedaran (symbolized) dan tidak sedar (unsymbolized).

Seseorang biasanya akan memastikan yang dijelmakan dengan keadaan dunia persekitaran. Dengan pengesanan terhadap dunia membolehkan dia hidup dengan realistik. Walau bagaimanapun, ada juga persepsi yang tidak diinginkan atau dicuba dengan tidak lengkap, dan pengalaman yang tidak diuji ini boleh membuatkan dia bertingkah laku dengan tidak realistik atau merosakkan dirinya sendiri. Jadi persoalannya, bilakah masanya kita dapat menentukan yang mana merupakan wakil persepsi yang betul dan yang mana pula yang tidak realistik?

Rogers menghuraikan dengan mengatakan :

“Apa yang dialami atau difikirkan oleh seseorang sebenarnya bukanlah realiti bagi seseorang itu, ianya merupakan satu hipotesis sementara terhadap realiti, satu hipotesis yang mungkin benar atau salah. Seseorang tidak akan membuat satu penilaian kecuali selepas dia membuat percubaan. Ini melibatkan pengesahan tentang kebenaran maklumat yang didapati, dengan hipotesis yang dibentuk berlandaskan kepada makluman sebelumnya. Seperti kita menguji garam, dengan merasanya”.